




BAKAT MUDA MENYERLAH: Pada usia 17 tahun, Muhammad Hazim Mohd Yusli merupakan salah seorang pesilat negara yang dinobatkan juara dunia dalam kategori tanding – di samping Sheik Farhan Sheik Alau'ddin, Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin, Nurul Suhaila Mohd Saiful – selepas mempamerkan keunggulannya dalam pertarungan Kelas B (50-55 kilogram). Dalam gambar kiri ini, kelihatan Muhammad Hazim (kanan) menewaskan pesilat Thailand, Pativat Mont, dalam pusingan suku akhir, sebelum beliau mara ke peringkat separuh akhir dan akhir sebelum ditabal juara dunia.



JUARA AKHIRNYA: Muhammad Iqbal Abdul Rahman akhirnya ditabal juara dunia buat pertama kali selepas lima percubaan dalam kategori Seni lelaki semasa Kejohanan Pencak Silat Dunia baru-baru ini.



TIDAK TAHAN SEBAK: Singapura merangkul pingat emas keenamnya menerusi kemenangan Nurul Suhaila Mohd Saiful. Sebak gong dibunyikan bagi menandakan tamat pertarungan, Nurul Suhaila tidak dapat menahan rasa sebak dek gembira dengan kejayaannya setelah sekian lama memburu emas kejohanan dunia yang sering terlepas dari tangannya.